

Jabatan Pendaftar | Registrar Department

Rujukan Kami : UniSZA/P/1/PP/604-2 (32)
Bertarikh : 21 Julai 2013

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Semua Staf
Universiti Sultan Zainal Abidin

Tuan/Puan,

**PEKELILING PENDAFTAR BIL. 3/2013
PENGABUNGAN PUSAT PENGEMBANGAN ILMU PERADABAN ISLAM
(PRISM) DAN PUSAT KAJIAN PENGURUSAN KEKAYAAN ISLAM DAN DINAIK
TARAF SEBAGAI INSTITUT PENYELIDIKAN PRODUK DAN KETAMADUNAN
ISLAM (INSPIRE)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 17/2013 yang bersidang pada 16 Julai 2013 bersetuju supaya Pusat Pengembangan Ilmu Peradaban Islam (PRISM) dan Pusat Kajian Pengurusan Kekayaan Islam (PKPKI) digabungkan. Kedua-dua PTj ini dinaik taraf dan dikenali dengan nama **Institut Penyelidikan Produk Dan Ketamadunan Islam (INSPIRE)**.

3. Penggunaan nama INSPIRE bertaraf pusat kajian yang bernaung di bawah Universiti ini adalah berkuatkuasa 1 Ogos 2013. Sehubungan dengan itu, segala urusan yang berkaitan hendaklah dialamatkan kepada **Prof. Madya Dr. Abdul Hakim bin Abdullah, Pemangku Pengarah, Institut Penyelidikan Produk Dan Ketamadunan Islam (INSPIRE), Rumah Tamu 1, Kampus Gong Badak**.

Sekian, semoga berada dalam perhatian tuan/puan selanjutnya.

"Pengurusan Mesra dan Efektif"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


NORDIN BIN JUSOH
Pendaftar

- s.k - Naib Canselor
- Semua Timbalan Naib Canselor
- Penolong Naib Canselor
- Pemangku Bendahari
- Penasihat Undang-Undang